



29 Disember 2016
29 December 2016
P.U. (A) 378

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN
MALAYSIA (KAMPUS) (CAWANGAN PAGOH) 2016

*UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (CAMPUS)
(PAGOH BRANCH) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (KAMPUS)
(CAWANGAN PAGOH) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Kampus) (Cawangan Pagoh) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Penubuhan Kampus

2. Apabila Perintah ini mula berkuat kuasa—

- (a) suatu Kampus bagi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ditubuhkan;
- (b) nama dan gelaran Kampus itu ialah “Universiti Tun Hussein Onn Malaysia—Kampus (Cawangan Pagoh)”;
- (c) Kampus itu bertempat di H.S. (D) 36669, PTD 14424, Mukim Jorak, Daerah Muar, Negeri Johor; dan
- (d) Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Siswazah, Pusat Pengajian Diploma dan apa-apa Fakulti lain yang ditubuhkan bertempat di Kampus itu.